anm/BA49/BH/04.07.2005/p: 6 (1)

Mangsa tsunami masuk UUM.

BH 4/7/05 6:1

Oleh Faiza Zainudin

SINTOK: Universiti Utara Malaysia (UUM) buat pertama kali semalam menerima seorang penuntut baru yang cacat penglihatan bagi mengikuti sesi pengajian 2005/2006.

Lim Tien Hong, 22, adalah antara 5,565 penuntut baru program Ijazah Sarjana Muda yang mendaftar di UUM semalam. Beliau akan mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan selama tiga tahun.

Sebelum ini, UUM menerima kemasukan orang kurang upaya (OKU) yang menghadapi kecacatan anggota badan serta rabun, pekak dan bisu.

Ketika ditemui selepas mendaftar di Kolej Telekom, Lim yang berasal dari Taiping, Perak, gembira kerana hasratnya melanjutkan pengajian di universiti itu tercapai.

"UUM adalah universiti pilihan pertama ketika mengisi borang permohonan selepas lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)," katanya .

Beliau mendapat 3A 2B dalam STPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Azizah Zainul Abidin, Pulau Pinang.

"Saya gembira diterima, namun bimbang jika kemudahan untuk golongan seperti saya di sini tidak lengkap," katanya yang buta selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya ketika berusia 10 tahun.

Lim, anak kedua daripada tiga beradik berkata, beliau memerlukan kemudahan seperti pencetak huruf timbul dan komputer, selain bantuan rakan untuk membaca dan menaip kertas kerja.

"Tanpa kemudahan itu, sukar untuk saya belajar walaupun mempunyai mesin braille sendiri," kata anak penjaja itu.

UUM juga menerima penuntut dari Indonesia, Thailand, Pakistan, Yaman, Libya, Pakistan, Arab Saudi, India, Nigeria, Pulau Solomon dan Syria.

Sementara itu, Muhammad Fadheel Djamaly, 19, dari Aceh Utara, yang kehilangan 64 ahli keluarga dalam tsunami pada 26 Disember lalu, berkata tragedi itu tidak melemahkan semangatnya untuk menimba ilmu di negara ini.

"Saya mendapat maklumat mengenai universiti ini daripada rakan yang pernah belajar di sini," katanya.

Beliau dan keluarga terdekatnya selamat daripada tragedi itu berikutan jarak rumah mereka kira-kira enam kilometer dari kawasan tragedi.

Sementara itu, pasangan kembar jarak usia 15 minit, Irshahidin dan Irzhahidin Kamarudin, 19, dari Johor berharap kursus perakaunan yang diikuti kelak dapat membantu mereka mewarisi perniagaan keluarga.

Anak ketiga dan keempat pasangan jurutera dan perunding perniagaan itu berharap dapat menamatkan pengajian selama empat tahun dengan berjaya.

Penuntut dari Yaman, Hamid Mahmood Gelaidon, 24, pula memilih UUM kerana menawarkan kualiti pendidikan yang baik dan diiktiraf, selamat, negara Muslim, serta yuran pengajian berpatutan.

"Malaysia terkenal di negara saya kerana menawarkan kemudahan pengajaran yang lengkap dan bermutu serta diiktiraf," katanya yang pertama kali datang ke Malaysia.

> *"Walaupun kesan tragedi ombak besar itu masih terasa kerana hanya menjumpai tujuh mayat saudara-mara, semangat saya berkobar-kobar untuk belajar membantu keluarga"*
>
> **Muhammad Fadheel Djamaly**
> *Pelajar dari Aceh*

Pag 2 of 2